

KAMUS & KAEDAH PNUEMONIC TASAWWUR ISLAM TING 4 & 5 KSSM

**Cara mudah untuk mengingat dan memahami
Istilah Tasawwur Islam Tingkatan 4 dan 5 KSSM**

Disediakan oleh :
Safae Zakaria
GC Tasawwur Islam
SMK Jelawat, Kelantan
Tel : 0199197072

KAMUS ISTILAH TASAWWUR ISLAM TINGKATAN 4 & 5

BIL	ISTILAH	MAKSUD
TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN PELAJARAN 1 : ISLAM ADALAH CARA HIDUP		
1.	Adil	Meletakkan sesuatu kena pada tempatnya
2.	Agama Budaya	Agama, kepercayaan atau ajaran yang diciptakan oleh manusia sendiri, hasil daripada pemikiran mereka tanpa bimbingan wahyu. Contohnya fahaman-fahaman seperti komunisma dan sebagainya.
3.	Islam sebagai al-Din	Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
4.	Islam	Bahasa : Sejahtera, selamat dan penyerahan. Istilah : Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya.
5.	Iman	Bahasa : Yakin dan percaya. Istilah : Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT.
6.	Ihsan	Bahasa : Berbuat kebaikan. Istilah : Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata – mata kerana Allah SWT.
7.	Mengucap dua kalimah syahadah	Penyaksian bahawa tiada tuhan selain Allah SWT dan bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT.
8.	Menunaikan solat fardu 5 waktu sehari semalam	ibadah yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan disudahi dengan salam.
9.	Mengeluarkan zakat	Ibadah dengan cara mengeluarkan harta yang tertentu pada kadar tertentu dengan syarat – syarat tertentu.
10.	Berpuasa pada bulan Ramadan	Menahan diri daripada melakukan perkara – perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sidiq sehingga terbenam matahari berserta niat.
11.	Mengerjakan haji bagi mereka yang mampu	Melakukan ibadah haji sekali seumur hidup dengan syarat – syarat tertentu.
12.	Rukun	Asas atau prinsip yang mendasari sesuatu perkara
13.	Beriman kepada Allah SWT	Yakin dan percaya kewujudan Allah SWT serta menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.
14.	Beriman kepada Malaikat	Yakin dan percaya kewujudan malaikat sebagai makhluk Allah SWT yang diciptakan daripada cahaya dan sentiasa taat menjalankan tugas yang ditetapkan oleh Allah SWT.
15.	Beriman kepada Kitab – kitab-Nya	Yakin dan percaya bahawa Allah SWT menurunkan kitab – kitab kepada para rasul-Nya sebagai panduan hidup manusia
16.	Beriman kepada Para Nabi & Rasul	Yakin dan percaya para nabi dan rasul ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepada mereka untuk disampaikan kepada umatnya.
17.	Beriman kepada Hari Akhirat	Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah. Semua manusia akan dibangkitkan semula dan dihisab untuk menerima balasanNya sama ada syurga atau neraka.
18.	Beriman kepada Qadak & Qadar	Yakin dan percaya bahawa segala sesuatu yang berlaku kepada manusia dan alam keseluruhannya telah ditetapkan oleh Allah SWT
19.	Qadak	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.

20.	Qadar	Sesuatu hal yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan.
21.	Salafusoleh	Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun ketiga hijrah
PEL 2 : AKIDAH MENURUT ISLAM		
22.	Akidah	Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat – sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dn aqli.
23.	Nabi	Lelaki pilihan Allah SWT yang berikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
24.	Rasul	Lelaki pilihan Allah SWT yang dberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain
25.	Dalil naqli	Dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah
26.	Dalil aqli	Dalil yang lahir daripada akal manusia yang sempurna
PEL 3 : IBADAH MENURUT ISLAM		
27.	Ibadah	Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan. perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT
28.	Ibadah Khusus	Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.
29.	Ibadah Umum	Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama.
30.	Fardu Ain	Kewajipan individu atau suatu amalan yang dltuntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukalaf. Pengamalannya mendapat pahala dan pengabalan tanpa uzur syarl'e mendapat dosa
31.	Fardu Kifayah	Kewajipan secara kolektif yang merujuk kepada suatu amalan yang dltuntut oleh syarak ke atas seluruh kaum muslimin secara umum untuk mengerjakannya. Apablla sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajipan tersebut.
32.	Ikhlas	Ibadah dilakukan hanya kerana Allah SWT semata-mata dan mengharapkan keredaannya
33.	Ittiba' as-Sunnah	(Mengikuti Sunnah): Ibadah dilakukan sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah dan rasul-Nya.
34.	Asnaf	Kelompok yang, berhak menerima zakat iaitu asnaf fakir, asnaf miskin, asnaf amil, asnaf mualaf, asnaf riqab. asnaf gharimin, asnaf fisabilillah dan asnaf ibnul sabil.
PEL 4 : AKHLAK MENURUT ISLAM		
35.	Akhlak	Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam
36.	Akhlak Mahmudah	Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah.
37.	Akhlak Mazmumah	Akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan al-Sunnah daripada diamalkan
PEL 5 : PRINSIP PANDANGAN HIDUP ISLAM		
38.	Rabaniyyah	Ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT
39.	Syumuliyah	Lengkap iaitu agama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.

40.	Alamiyyah	Sawarjagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman
41.	Waqiiyyah	Realiti iaitu Islam ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia
42.	Thabat	Tetap dan teguh iaitu perkarayang tetap (qatiyy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta pelaksanaannya menurut Islam
43.	Murunah	Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namum masih tetap pada prinsip asasnya
TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT		
PEL 6 : FITRAH KEJADIAN INSAN		
44.	Insan	Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.
45.	Nutfah (Concentration)	Sperma lelaki dan ovum perempuan bercantum dan disenyawakan di dalam rahim perempuan (permanian).
46.	Alaqah (Zigot)	Percantuman nutfah menjadi segumpal darah.
47.	Mudghah (Embrio)	Alaqah akan menjadi seketul daging. Pada peringkat ini terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk.
48.	'Izam dan Lahm (Embrio)	Daging akan membaluti tulang sehingga terbentuk lembaga manusia yang sempurna fizikalnya.
49.	Janin (Fetus)	Pada peringkat ini, Allah SWT akan meniupkan roh ke dalam tubuh janin yang berumur empat bulan
50.	Bayi (Infant)	Dilahirkan ke dunia apabila cukup tempohnya.
51.	Alam roh	Alam yang dirahsiakan oleh Allah SWT. Roh bermaksud nyawa yang menyebabkan jasad hidup dan bergerak.
52.	Alam Rahim	Merujuk kepada alam ketika manusia dalam kandungan ibunya
53.	Alam Dunia	Alam nyata yang kita diami saat ini. Allah SWT mencipta alam ini sebagai tempat untuk manusia ibadah dan menjadi khalifah-Nya
54.	Alam Barzakh / Alam kubur	Alam yang memisahkan antara alam dunia dengan alam akhirat. Barzakh menjadi tempat persinggahan sementara menunggu hari kiamat sesudah kematian.
55.	Alam Akhirat	Alam yang kekal dan abadi setelah terjadi kiamat. Allah SWT memberikan balasan kepada para hamba-Nya atas segala amalan mereka selama di dunia
56.	Alam Musyahadah	Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya seperti manusia, haiwan dan tumbuhan.
57.	Alam Ghaib	Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal. Kewujudannya hanya dapat diketahui dan diyakini daripada penjelasan al-Quran dan al-Sunnah seperti alam barzakh, alam mahsyar, syurga dan neraka.
PEL 7 : TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH SWT		
58.	Hamba Allah SWT	Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya
59.	Khalifah Allah SWT	Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selaras dengan kehendak syariat.
60.	Madani	Masyarakat dan generasi yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan.

PEL 8 : PERANAN WAHYU DAN AKAL		
61.	Wahyu	Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantara malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT
62.	Akal	Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan
TEMA 3 : SISTEM SOSIAL ISLAM		
PEL 9 : ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM		
63.	Sistem sosial Islam	Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkait cara manusia berhubung antara satu sama lain
64.	Al-Quran	Kalam Allah SWT yang diturunkan melalui malaikat Jibril a.s kepada Rasulullah SAW untuk diamalkan dan disampaikan kepada umat manusia
65.	Al-Sunnah	Segala perkara yang disandarkan kepada nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat fizikal
66.	Al-Ijmak	Kesepakatan para ulama mengenai sesuatu hukum syarak berasaskan al-Quran dan al-Sunnah selepas kewafatan Rasulullah SAW
67.	Al-Qias	Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illat (sebab) hukum
68.	Adab	Tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yang halus dan mulla
69.	Etika	Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang Individu atau sesuatu kumpulan manusia.
70.	Hak asasi manusia	Hak-hak asasi yang diperlukan oleh setiap manusia untuk menjalani kehidupan dengan sejahtera.
PEL 10 : SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM		
71.	Keluarga	Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak.
PEL 11 : PRINSIP PERGULAN MENURUT ISLAM		
72.	Pergaulan	Merujuk kepada komunikasi antara seorang individu dengan individu lain berteraskan syariat Islam.
73.	Taaruf	Saling mengenali
74.	Tafahum	Saling memahami
75.	Taawun	Saling bekerjasama
76.	Ikhlas	Melakukan sesuatu kebaikan semata-mata kerana Allah SWT.
77.	Benar	Bersikap benar dalam percakapan, perbuatan dan niat di dalam hati
78.	Amanah	Melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur serta tidak mempunyai kepentingan peribadi
79.	Penyayang	Saling menyayangi antara sesama ahli masyarakat
80.	Sopan	Beradab sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan dengan semua pihak
PEL 12 : HIBURAN MENURUT ISLAM		
81.	Hiburan Islam	Sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak.

82.	Kesenian Islam	Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak
83.	Estetika	Cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan, cita rasa dan lain-lain
TINGKATAN 5		
TEMA 1 : SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM		
PEL 1 : SISTEM EKONOMI ISLAM		
84.	Ekonomi Islam	Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
85.	Ekonomi	Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu-isu kewangan yang bersangkutan dengannya.
86.	Pemilikan harta dalam Islam	Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak seperti tanah, rumah, kenderaan dan sebagainya.
87.	Pekerjaan menurut Islam ialah	Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.
88.	Sistem ekonomi konvensional	Sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat.
PEL 2: SISTEM KEWANGAN ISLAM		
89.	Muamalat	Hubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya.
90.	Muamalat dalam sistem kewangan Islam	Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.
91.	Gharar	Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.
92.	Al-Wadiah (Simpanan)	Mewakulkan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.
93.	Al-Mudharabah (Pelaburan)	Pelabur memberi modal kepada pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian
94.	Al-Murabahah (Jualan penambahan keuntungan)	Jual beli sesuatu barangan dengan maklumat harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.
95.	Al-Musyarakah (Syarikat)	Akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan.
96.	Al-Rahnu (Gadaian)	Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.
97.	Al-Ijarah (Sewaan)	Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu.
98.	Al-Bai' Bithaman Ajil (Jualan dengan bayaran tertangguh)	Penjualan barangan berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu secara ansuran atau sekali gus mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
99.	Al-Takaful (Insurans Islam)	Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman sejumlah wang yang akan disalurkan kepada pihak yang mengalami kemudaratan atas dasar ta'awun dan tabarru'.

100.	Margin	Perbezaan antara dua jumlah
101.	Ta'awun	Tolong menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu
102.	Tabarru'	Peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful
103.	Institusi kewangan Islam	Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam
104.	Jizyah	Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sesebuah negara Islam
105.	Ghanimah	Harta rampasan dalam peperangan
106.	Fai'	Harta yang dikuasai daripada orang bukan Islam tanpa melalui jalan perang
107.	Perbankan Islam	Institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara yang patuh syariah
108.	Tabung Haji	Sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995(Akta 535).
109.	Lembaga Zakat	Institusi awam yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih bersistematik.
110.	Baitulmal	Badan yang bertungsi untuk menguruskan harta orang Islam yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri mengikut Undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri.
TEMA 2 - SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM		
PEL 3 : SISTEM PERUNDNAGAN ISLAM		
111.	Perundangan Islam	Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
112.	Syirik	Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui, perkataan dan lktlkad dengan menjadikan sesuatu yang lain sekutu bagi Allah SWT
PEL 4 : SISTEM KEHAKIMAN ISLAM		
113.	Kehakiman atau al-Qadha'	Dari segi bahasa bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan, dan mencegah. Dari sudut syarak bermaksud menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.
114.	Hudud	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.
115.	Qisas	Kesalahan dan hukuman rnengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal.
116.	Takzir	Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya
117.	Diat	Harta yang wajib diberikan kepada waris orang yang dlbunuh sebagai ganti hukuman qisas yang tidak dapat dilaksanakan
118.	Qazaf	Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.
119.	Murtad	Orang yang keluar daripada agama Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat.
120.	Ijtihad	Usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah (dalam kaitannya dengan agama Islam)

TEMA 3 : SISTEM PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN ISLAM
PEL 5 : SISTEM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ISLAM

121.	Pentadbiran	Menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan
122.	Pengurusan	Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.
123.	Pentadbiran dan pengurusan Islam	Perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam pengolahan sumber manusia dan sumber alam selari dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.
124.	Musyawahah (Syura)	Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
125.	Etika tadbir urus Islam	Panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi.
126.	Efisien	Individu, organisasi, mesin dan lain-lain yang boleh menjalankan tugas dengan cekap tanpa pembaziran waktu dan tenaga.
127.	Efektif	Tindakan dan usaha yang mendatangkan hasil seperti diharap-harapkan
PEL 6 : SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM		
128.	Sistem pemerintahan Islam	Satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam
129.	Khilafah	sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.
130.	Khalifah	Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.
131.	Rakyat	Seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.
132.	Negara Islam	Negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta Ijtihad yang sebenar.
133.	Keadilan (Al-'Adalah)	Membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis berdasarkan ketentuan akidah, syariah dan akhlak.
134.	kebebasan (Al-Huriyyah)	Khalifah perlu melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam
135.	Persamaan (Al-Musawah)	Setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing
136.	Majlis Syura	Lembaga mesyuarat tertinggi negara yang ahlinya terdiri daripada khalifah, ulama dan individu yang pakar dalam bidang masing-masing. Mesyuarat ini membuat keputusan berdasarkan keilmuan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
137.	Adil	Sesuatu tindakan atau keputusan diambil menyebelahi pihak yang sebenar
138.	Amar Makruf	Perintah supaya mengerjakan perbuatan atau amalan yang baik
139.	Nahi Mungkar	Melarang perbuatan atau amalan jahat

BIL	PERKARA / TAJUK	PNUEMONIC / RINGKASAN
1.	Sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup	Kerana akal manusia terbatas / dalam memandu hidup manusia / bagi mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat / dan Islam adalah asas tatacara perhubungan manusia
2.	Rukun Islam	MSZPH - Mengucap / Solat / Zakat / Puasa / Haji
3.	Rukun Iman	AMKNAQ - Allah / Malaikat / Kitab / Nabi / Akhirat / Qadak dan Qadar
4.	Rukun Ihsan	TTI - Takwa / Tawakal / Ikhlas
5.	Rasul Ulul Azmi	NIMIM - Noh / Ibrahim / Musa / Isa / Muhammad SAW
6.	Sifat Wajib bagi Rasul	FAST - Fatonah / Amanah / Sidiq / Tabligh
7.	Konsep Ibadah	Ikhlas / menurut perintah / untuk beribadah kepada Allah SWT / yang melibatkan segala kegiatan manusia
8.	Syarat ibadah diterima	Ikhlas / Mengikut sunnah rasulullah SAW
9.	Cara meningkatkan kualiti ibadah	Sentiasa mengingati Allah SWT / dengan meningkatkan ilmu pengetahuan / dan bersabar serta istiqamah / dengan berdamping dengan orang yang berilmu / dan memahami hikmah sesuatu ibadah
10.	Perkara yang mengukuhkan Ibadat	Percaya kepada rukun Iman / dan Melaksanakan rukun Islam / serta berakhlak mulia / dan mentaati pemerintah yang adil
11.	Perkara yang merosakkan Ibadat	RUMSTAH - Riak, riddah / Ujub / Murtad , Mengungkit, munafik / Sum,ah, syirik / Takbur / Aza / Hasad dengki
12.	Cara Tingkatkan Kualiti Ibadat	MUTII - Mengingati Allah SWT semasa beribadat / dengan Ulama sentiasa didampingi / dan Tenang dalam melakukan ibadat / serta Ilmu pengetahuan sentiasa ditingkatkan / dan Istiqamah dalam melakukan ibadat
13.	Ciri kesempurnaan ibadat	BERSIM – bersungguh-sungguh dalam beribadat / Ehsan semasa beribadat / Rukun ibadat dipenuhi / Syarat dilakukan sepenuhnya / Ikhlas dalam beribadat / memenuhi peraturan dalam beribadat
14.	Tujuan Beribadat	PLKPK - Perintah Allah / juga sebagai Latihan rohani dan jasmani / Kebendaan juga dapat dididik melalui ibadat / disamping pahala jua yang diberikan Allah SWT / akhirnya kebahagiaan hidup akan dapat dicapai
15.	Ciri-ciri akhlak Islam	berlandaskan fitrah kejadian manusia / yang meliputi semua aspek kehidupan / dan ianya tetap tidak berubah sepanjang zaman kerana / bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah
16.	Proses penyucian jiwa	Kosongkan jiwa / serta hiaskan dengan sifat terpuji / dan pekerti yang indah / kerana ianya bematlamatkan keredaan Allah SWT
17.	Cara memupuk akhlak mulia	Taat perintah Allah SWT & rasul / dengan mencontohi Rasulullah SAW / disamping berdoa / dan bermujahadah, / muhasabah / serta bersabar dan istiqamah dalam mengamalkan akhlak mulia
18.	Prinsip Rabaniyyah	Islam adalah agama yang diwahyukan / yang bersih daripada sebarang kekurangan / kerana Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup / dimana seluruh makhluk adalah kepunyaanNya.
19.	Ciri-ciri agama langit	Mempunyai kitab suci/ yang bersifat mutlak / yang diturunkan dari langit / melalui para nabi dan rasul / dimana ajarannya adalah lengkap dan kekal

20.	Cara memiliki sifat Rabaniyyah	Beriman dengan rukun iman / melaksanakan segala rukun Islam serta berakhlak dengan akhlak yang mulia
21.	Prinsip Syumuliyah	Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah dimuka bumi / yang terikat dengan masa dan ruang tertentu / kerana hanya Allah sahaja yang memiliki kesempurnaan yang hakiki
22.	Prinsip Waqiiyyah	Islam bersifat praktikal / yang dapat menyelesaikan masalah manusia / dengan menekankan kesederhanaan / dan positif terhadap pemikiran.
23.	Prinsip Alamiyyah	Islam menjamin hak asasi manusia / dengan sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkarannya / kerana manusia merupakan sebaik-baik kejadian.
24.	Prinsip Murunah	Islam adalah agama yang mudah / yang boleh dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia.
25.	Kelebihan sifat murunah	Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmatnya Islam / dengan menarik minat orang bukan Islam / serta memastikan kesinambungan ajaran Islam di dunia ini
26.	Keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam	Sesuai dengan fitrah manusia / kerana ianya jelas dan praktikal / yang mementingkan budaya ilmu / juga seimbang antara rohani dan jasmani / yang akan memberi rahmat kepada sekelian alam / dan sesuai dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi.
27.	Proses kejadian Insan	NAMIJB - (CZEEFI) - Nutfah (Concentration) - Alaqah (Zigot) - Mudghah (Embrio) - 'Izam & Lahm (Embrio) - Janin (Fetus) - Bayi (Infant)
28.	Peringkat Alam yang dilalui oleh manusia	RRDBA - Roh - Rahim - Dunia - Barzakh - Akhirat
29.	Kepentingan memelihara fitrah kejadian insan	Menguatkan keimanan / dengan menolak kebatinan / untuk memakmurkan bumi / agar hidup lebih aman dan harmoni / serta mendapat keredaan Allah SWT
30.	Ciri-ciri wahyu	Datang daripada Allah SWT / kepada Nabi dan Rasul / melalui malaikat Jibril / dimana ianya terpelihara hingga kehari kiamat / dan terhenti penurunannya dengan kewafatan Rasulullah SAW
31.	Ciri-ciri akal	Digunakan untuk berfikir / yang membezakan antara manusia dengan haiwan / Sentiasa berubah dan berkembang / tetapi tidak mampu memikirkan perkara ghaib
32.	Keistimewaan al-Quran	Kandungannya benar / yang kekal sehingga ke hari kiamat / kerana al-Quran mengandungi pelbagai aspek kehidupan / dimana membaca dan mendengarnya akan mendapat pahala.
33.	Fungsi akal	Memahami Al-quran / serta mengkaji kejadian makhluk dan alam ini / bagi mengetahui kebesaran dan kekuasaan Allah SWT / untuk membuktikan kebenaran Islam / disamping dapat mempelajari cara beribadat / agar dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.
34.	Kepentingan wahyu dalam memelihara akal	Wahyu menyuruh manusia menggunakan akal / bagi mensahihkan setiap ibadat yang dilakukan / untuk memelihara kebenaran iman dan akidah / agar dapat menghasilkan akhlak yang mulia / untuk itu manusia mesti berfikir secara logik yang selari dengan syarak / dan menjauhi perkara yang merosakkan akal.
35.	Matlamat sistem sosial Islam	Untuk mendapatkan keredaan Allah SWT / dengan melaksanakan tugas sebagai khalifah / dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik / bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat
36.	Adab dan etika sistem sosial Islam	Berpandukan al-Quran dan Sunnah / dimana perhubungan adalah berdasarkan iman dan takwa / serta mengamalkan akhlak mulia / yang menghormati kepelbagaian budaya / bagi mengutamakan kepentingan umum berbanding dengan kepentingan individu
37.	Keistimewaan Sistem Sosial Islam	Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah / yang menjaga hak asasi manusia / bagi menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera / dalam membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia

38.	Nilai-nilai luhur Sistem sosial Islam	Ukhuwwah Islamiah / yang sentiasa hormat menghormati / dan berkasih sayang
39.	Ciri-ciri Sistem sosial Islam	Perhubungan dan pergaulan yang berlandaskan keimanan kepada Allah SWT / yang mengikut lunas-lunas Islam / serta mengamalkan akhlak mulia / serta mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu.
40.	Ciri-ciri kekeluargaan Islam	Berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT / yang sentiasa mengamalkan akhlak mulia / yang sentiasa berkomunikasi secara positif / dan memberi sokongan antara satu sama lain / dengan melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing.
41.	Pergaulan dalam Islam	Merujuk kepada komunikasi antara seorang individu dengan individu lain berteraskan syariat Islam.
42.	Asas pergaulan	Saling mengenali (Ta'aruf), / Saling memahami (Tafahum), / Saling bekerjasama (Taawun)
43.	Prinsip pergaulan	Saling bekerjasama / hormat menghormati / dengan mengutamakan keamanan / disamping memberikan panduan berinteraksi sesama manusia / kerana ianya berlandaskan syariat Islam dan / bermatlamatkan keimanan kepada Allah SWT
44.	Adab pergaulan Islam	Menjaga pergaulan lelaki dengan perempuan / seperti batasan aurat / disamping sentiasa menghormati satu sama lain / bersangka baik / dengan berlaku adil / dan sentiasa menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti orang lain
45.	Cara memupuk sifat mahmudah	Belajar ilmu / amalkan ilmu / praktikan sifat mahmudah dalam kehidupan / membudayakan sifat mahmudah dalam masyarakat
46.	Kepentingan perinsip pergaulan Islam	Memelihara maruah / dengan menjauhi perkara yang dilarang / serta membentasi perlakuan songsang / bagi mengelakkan keruntuhan akhlak dalam masyarakat / oleh itu akan melahirkan manusia yang bertakwa / yang boleh mengukuhkan institusi kekeluargaan / dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu
47.	Hiburan dalam Islam	Sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak.
48.	Konsep hiburan Islam	Untuk mengagungkan Allah SWT / yang meliputi aspek iman dan amal / dengan berhibur selari dengan kehendak syarak / bagi membangunkan potensi umat dalam seni hiburan / dan memenuhi tuntutan fitrah semulajadi manusia.
49.	Adab dan etika berhibur	Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak / yang boleh meningkatkan keimanan / kerana ianya berteraskan akhlak Islam / yang sentiasa memelihara ibadat wajib / dan berhibur secara sederhana / serta tidak mengganggu ketenteraman awam
50.	Kesenian Islam	Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak
51.	Konsep kesenian Islam	Untuk mengagungkan Allah SWT / yang meliputi aspek iman dan akhlak / dengan kesenian yang selari dengan kehendak syarak / bagi membangunkan potensi umat dalam kesenian / dan memenuhi tuntutan fitrah semulajadi manusia.
52.	Adab dan etika kesenian Islam	Kesenian yang tidak bercanggah dengan syarak / yang boleh meningkatkan keimanan / kerana ianya berteraskan akhlak Islam / yang sentiasa memelihara ibadat wajib / dan berkarya secara sederhana / serta tidak mengganggu ketenteraman awam
53.	Kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam	Dapat menyakini kekuasaan Allah SWT / serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan / kerana ianya memberikan panduan dalam berkarya / serta mengetahui batasan manusia dalam berkarya / dengan itu dapat memenuhi fitrah semulajadi manusia / dan dapat mempamerkan ketamadunan Islam

TINGKATAN 5		
54.	Ekonomi Islam	ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
55.	Asas sistem ekonomi Islam	Mengelola harta mengikut syarak / dengan mengagihkan harta dengan adil / kerana Islam mengiktiraf pemilikan harta individu
56.	Ekonomi	Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu-isu kewangan yang bersangkutan dengannya
57.	Prinsip asas sistem ekonomi Islam	Berteraskan akidah, syariat dan akhlak / bagi mewujudkan keadilan sosial / kerana manusia sebagai khalifah / dengan menjadikan pekerjaan dan ganjaran / sentiasa tertakluk kepada keuntungan dan kerugian
58.	Sumber utama sistem ekonomi Islam	AHIQ - Al-Quran Hadis Ijmak Qias
59.	Konsep harta menurut Islam	MAZUHA - Milik mutlak Allah SWT / Amanah Allah kepada manusia / Zakat dikeluarkan apabila cukup syaratnya / Ujian kepada manusia bagi menentukan tahap keimanan mereka / Halal adalah panduan dan syarat dalam memiliki dan membelanjakan harta // Adil mestilah diutamakan dalam pengurusan harta
60.	Sebab harta amanah Allah SWT	Agar manusia menguruskan harta dengan sebaik mungkin / tanpa melakukan pembaziran / serta sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam mencari harta / dan tidak terlalu sombong dengan harta yang dimilikinya
61.	Langkah memperolehi harta yang halal	HAIL - Halal pekerjaannya / Akhlak mulia semasa mencari harta / Ikhlas semasa bekerja / Ibadat sentiasa dijaga semasa bekerja
62.	Kepentingan Harta kepada pembangunan negara	Harta dijadikan modal / untuk memajukan sektor ekonomi / dengan meningkatkan taraf pendidikan masyarakat
63.	Pemilikan harta dalam Islam	Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak seperti tanah, rumah, kenderaan dan sebagainya
64.	Konsep pemilikan harta	Harta mesti diperolehi secara halal / bukan melalui kekerasan dan penindasan seperti merompak / serta harta awam tidak boleh dijadikan milik peribadi
65.	Asas pemilikan harta	Allah SWT pemilik sebenar harta / yang telah menetapkan cara pemilikan harta secara sah / dengan itu manusia mesti berusaha memiliki harta bagi memenuhi keperluan / dan membelanjakannya secara berhemah.
66.	Jenis pemilikan harta	Hak milik individu / hak milik negara / hak milik umum
67.	Kepentingan hak milik	Mendorong manusia berusaha / dan mengetahui kemampuan mereka / serta dapat menggunakan harta mengikut keinginan sendiri
68.	Peraturan pemilikan harta	Harta dibelanjakan secara berhemah / serta mengeluarkan zakat / dan dikembangkan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak
69.	Peranan harta	Harta sebagai alat beribadat / alat merapatkan hubungan sesama manusia / alat menambah ilmu / alat menikmati keselesaan hidup
70.	Perkara yang merosakkan harta	MKBMM – Membazir perbelanjaan harta / kedekut dalam membelanjakan harta / bekukan wang daripada digunakan / maksiat / merosakkan kemudahan awam
71.	Matlamat pemilikan harta	Untuk mendapat keberkatan Allah SWt / dan menjamin keselamatan hidup di dunia dan akhirat / disamping membangunkan ekonomi umat / dan mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman
72.	Pekerjaan menurut Islam	Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal
73.	Ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam	Halal pekerjaannya / yang tidak mengganggu orang lain / serta tidak membahayakan diri sendiri / serta tidak melalaikan daripada beribadat

74.	Cara melaksanakan amanah Allah SWT Melalui pekerjaan	Melakukan pekerjaan mengikut kepakaran / seperti melakukan penyelidikan sains dan teknologi / serta mencipta peralatan baru
75.	Syarat pekerjaan menjadi ibadat	Pekerjaan yang halal / dan tidak mengganggu kepentingan awam / dan tidak melalaikan daripada beribadat kepada Allah SWT
76.	Etika Kerja Islam	MIATT - Mematuhi arahan ketua / ikhlas semasa melakukan pekerjaan / Amanah dalam melakukan pekerjaan / tekun dan bersungguh-sungguh semasa melakukan pekerjaan / Tingkatkan produktiviti yang berkualiti
77.	Keistimewaan sistem ekonomi Islam	Lengkap / yang berteraskan nilai akhlak Islam / dimana ianya mengabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam / dan memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas / yang akhirnya bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
78.	Sistem ekonomi konvensional	Sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat
79.	Muamalat	Hubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya.
80.	Muamalat dalam sistem kewangan Islam	Tatacara urusan harian sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam.
81.	Prinsip Muamalat Islam	Rela dalam berurusan / yang tidak mengandungi perkara yang haram / dan tidak membawa kepada kerosakan kepada ekonomi dan masyarakat
82.	Etika Muamalah Islam	RATI - Rajin dan bersungguh-sungguh bekerja / dan Amanah dan semua urusan / tekun ketika bekerja / serta Ikhlas dalam bekerja
83.	Ciri-Ciri Muamalah Islam	Adil kepada semua pihak / dengan saling reda meredai / serta mendatangkan manfaat kepada semua pihak / dan tidak membebankan sesiapa / kerana tiada penipuan berlaku
84.	Syarat sah bermuamalah	SSPM - Setuju dengan transaksi yang dijalankan oleh kedua-dua pihak / dan sempurna akal kedua pihak / dan penipuan dihindarkan dalam urusan / serta milik sah penjual barang yang hendak dijual itu
85.	Kepentingan dan tujuan Muamalah Islam	Agar manusia saling berhubung / untuk saling mengenali satu sama lain / dengan itu mereka dapat saling tolong menolong / dalam menikmati kurniaan Allah secara bersama dan adil.
86.	Kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti kehidupan	Akan mendapat keredaan Allah SWT / kerana menjamin keharmonian hidup manusia / melalui keadilan sejagat / dengan itu dapat membangunkan tamadun manusia.
87.	Jenis Muamalah Islam	3MRIBTW - Murabahah / Mudharabah / Musyarakah / Rahn / Ijarah / Bai bithaman ajil / Takaful / Wadiah
88.	Al-Wadiah (Simpanan)	Mewakilkkan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.
89.	Al-Mudharabah (Pelaburan)	Pelabur memberi modal kepada pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian
90.	Al-Murabahah (Jualan Penambahan Untung)	Jual beli sesuatu barangan dengan makluman harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan
91.	Al-Musyarakah (Syarikat)	Akad antara dua orang atau lebih untuk berkongsi modal dan keuntungan dalam sesuatu perniagaan.
92.	Al-Rahnu (Gadaian)	Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.
93.	Al-Ijarah (Sewaan)	Perjanjian yang membolehkan seseorang mengambil faedah atau manfaat daripada milik orang lain dengan bayaran tertentu

94.	Al-Bai' Bithaman Ajil (Jualan dengan bayaran tertangguh)	Penjualan barangan berasaskan pembayaran tertangguh pada harga tertentu secara ansuran atau sekali gus mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
95.	Takaful (Insurans Islam)	Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman sejumlah wang yang akan disalurkan kepada pihak yang mengalami kemudaratan atas dasar ta'awun dan tabarru'.
96.	Institusi kewangan Islam	Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yang mengutip sumber-sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam
97.	Perbankan Islam	Institusi yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam dengan cara yang patuh syariah
98.	Tabung Haji	Sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).
99.	Institusi Zakat	Satu institusi awam yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih bersestematik
100.	Institusi Baitulmal	Institusi baitulmal bertungsi untuk menguruskan harta orang Islam yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri mengikut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri
101.	Perundangan Islam	Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
102.	Asas Sistem Perundangan Islam	Pencegahan / pembalasan / pemulihan
103.	Keunggulan Sistem Perundangan Islam	Ciptaan Allah SWT / yang lengkap / dan adil / serta sesuai untuk manusia / tanpa berlaku perubahan sehingga kehari kiamat / kerana hukumannya adalah bersifat memberi pengajaran / dan mendidik jiwa manusia supaya gerun dengan pembalasan Allah SWT.
104.	Matlamat Perundangan Islam	Memelihara MAKANKaH – Memelihara maruah / Memelihara agama / Memelihara keturunan / Memelihara akal / Memelihara nyawa / Memelihara Ketenteraman awam / Memelihara harta
105.	Pembahagian hukum dalam Islam	HWHSM - Harus / Wajib / Haram / Sunat / Makruh
106.	Kehakiman atau al-Qadha'	Dari segi bahasa bermaksud menghukum, menyelesaikan, menetapkan, memutuskan, dan mencegah. Dari sudut syarak bermaksud menyelesaikan pertikaian atau tuntutan antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang berdasarkan hukum syarak.
107.	Prinsip kehakiman Islam	Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah / yang mengamalkan adab Islamiah / yang sentiasa menegakkan keadilan dan menentang kezaliman / serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran
108.	Matlamat Sistem kehakiman Islam	Menegakkan keadilan / dengan menentang kezaliman / dan membela orang yang dizalimi
109.	Hukuman Jenayah Islam	HQTD – Hudud / Qisas / Takzir / Diat
110.	Kesalahan Hudud	Qaz3M - Qazaf / Arak / Zina / Mencuri / Merompak / Murtad
111.	Prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan	Pengakuan / kesaksian / pembuktian
112.	Syarat pelantikan hakim	Islam / baligh yang / adil / berilmu / dan sempurna pancaindera
113.	Etika hakim	Bertugas dengan jujur / seperti tidak menyebelahi mana-mana pihak / serta menghakimi orang yang mempunyai kepentingan dengannya / dan tidak menjatuhkan hukuman jika terdapat sebarang keraguan yang munsabah

114.	Peranan hakim	Menjatuhkan hukuman dengan adil / serta berada dalam keadaan tenang / tanpa ragu-ragu ketika menjatuhkan hukuman / membebaskan tertuduh jika terdapat sebarang keraguan
115.	Prinsip tadbir urus dalam Islam	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / yang berteraskan nilai-nilai akhlak / dimana urusan pentadbiran berdasarkan konsep syura / yang bermatlamatkan dunia dan akhirat / yang menjadikan pentadbir sebagai pemegang amanah / yang mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran
116.	Ciri-ciri pengurusan dan pentadbiran Islam	Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis / yang mengamalkan konsep syura / serta keadilan dalam pentadbiran / dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan / bagi mengeratkan ukhuwah dalam pengurusan
117.	Etika tadbir urus Islam	ESAI - Efektif / sistematik / amar makruf nahi mungkar / integriti
118.	Ciri pentadbir dan pengurus yang berkesan	BIBIPADI - Beriman / ikhlas / berwawasan / integriti / positif / amanah / dinamik / inovatif
119.	Sistem pemerintahan Islam	Satu kaedah pemerintahan sebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam serta melaksanakan syariat Islam
120.	Ciri-ciri sistem pemerintahan Islam	Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa tertinggi / dengan segala perkara diputuskan berdasarkan kehendak syarak / melalui pengamalan syura dalam pemerintahan / serta melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar /
121.	Fasa / aspek dalam piagam Madinah	Kepimpinan negara / perpaduan / pengiktirafan pelbagai kaum / keselamatan / jaminan sosial / kebebasan agama / penguatkuasaan undang-undang / hak asasi manusia / tanggungjawab rakyat / hubungan luar negara.
122.	Ciri-ciri khilafah	Melaksanakan Undang-undang Allah SWT / dengan melaksanakan amar makruf nahi mungkar / dalam menegakkan keadilan / bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat
123.	Syarat pelantikan khalifah	Seorang muslim / lelaki / yang adil / serta berkemampuan dari segi mental dan fizikal / yang berakhlak mulia lagi berani / dari keturunan yang baik dan berpengaruh
124.	Ciri-ciri khalifah	Mempunyai fizikal yang sihat dan sempurna / yang cekap membuat keputusan / dengan keyakinan diri yang tinggi / serta berpengetahuan yang luas / serta sentiasa bertindak dengan rasional / bagi menegakkan keadilan.
125.	Tanggungjawab khalifah	Memelihara kesucian agama Islam / dengan melaksanakan hukum Allah SWT pada setiap masa dan tempat / bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara / juga melantik pegawai yang cekap dan amanah / dalam menjaga kebajikan rakyat / agar kebenaran sentiasa tertegak dan kemungkaran dapat dicegah dan / akhirnya kekayaan negara dapat diagihkan secara adil kepada mereka yang berhak.
126.	Hak khalifah	Mendapat ketaatan dan kesetiaan daripada orang bawahan dan rakyat selagi tidak bercanggah dengan ajaran Islam
127.	Tanggungjawab rakyat	Memberi taat setia kepada khalifah dengan / membentasi kemungkaran / dan mempertahankan negara / serta menjaga keharmonian hidup bermasyarakat / dengan sentiasa menambahkan ilmu pengetahuan / untuk menasihati khalifah ke arah kebaikan
128.	Hak rakyat	Hak untuk memilih pemimpin / bagi mendapatkan hak pendidikan / hak jaminan keselamatan / mencari harta / dan bersuara dan memberi pendapat
129.	Prinsip Negara Islam	SHAM - Syura / Huriyyat / Adalah / Musawah
130.	Elemen pembentukan negara Islam	RWKPUK (Red Warrior Kalah Perlawanan Ulangan Stadium Kelantan) Rakyat / Wilayah / Ketua negara (khalifah) / Penguatkuasa / Undang-undang / Syura / Kehakiman
131.	Ciri-ciri negara Islam	Ketua Negara yang adil dan beriman / yang melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar / yang berlandaskan al-Quran dan Hadis / bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat